

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17/01/2018

Projek RTS beri manfaat rakyat dua negara

→ Infrastruktur baharu tingkat
kemudahan Malaysia-Singapura



**Junita
Mat Rasid**
Junita@bh.com.my

► Singapura

► Singapura

Perjanjian memuktamadkan pelaksanaan projek Sistem Transit Rapid (RTS) yang menghubungkan kedua-dua negara, ditandatangani pada Sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura Kelapan di sini, semalam.

Dokumen perjanjian itu ditandatangani Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Menteri Penyelaras Bagi Infrastruktur merangkap Menteri Pengangkutan Singapura, Khaw Boon Wan.

Majlis bersejarah itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan rakan sejawatnya dari Singapura, Lee Hsien Loong.

Pada sidang media bersama Hsien Loong selepas itu, Najib berkata, projek terbabit akan menyediakan sistem perhubungan bertelusuran dengan keupayaan mengangkut 10,000 penumpang setiap jam.

Beri pelbagai manfaat

Katanya, meskipun projek terbabit kelihatan kompleks tetapi ia bakal menyediakan kemudahan berte-

rusan untuk penduduk kedua-dua negara.

"Projek ini memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara, bukan sahaja mengeratkan hubungan dua negara, malah hubungan antara rakyat. Kerajaan optimis projek ini menjadi pemangkin kepada hubungan antara kedua-dua negara," katanya.

Selain itu Najib berkata, kedua-dua negara juga akan melihat untuk meningkatkan kekerapan perjalanan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) daripada 26 kepada 31 perjalanan sehari, sementara menunggu RTS beroperasi.

Katanya, dalam usaha menggalakkan lebih ramai menggunakan Laluan Kedua Malaysia-Singapura

(Linkdua), kedua-dua negara juga tidak menolak kemungkinan mengkaji semula kadar tol di laluan terbabit.

Pengangkutan alternatif

Sementara itu Hsien Loong berkata, pelaksanaan projek ini penting untuk projek hubungan rentas sempadan kedua-dua negara.

"Apabila projek ini siap pada 2024, ia akan memberi manfaat kepada beribu-ribu orang yang melintasi sempadan setiap hari, sekaligus mengurangkan kesesakan.

"Apabila beroperasi kelak, sistem RTS ini juga akan menggantikan laluan KTMB di Woodlands tetapi untuk sementara waktu pada masa ini kita akan mening-

katkan kekerapan perjalanan KTMB," katanya.

RTS yang menghubungkan Stesen Woodlands di Singapura dan Bukit Chagar di Johor, dijangka memulakan operasi pada 2024.

Apabila siap, RTS mampu menampung pergerakan sehingga 10,000 penumpang setiap jam antara dua stesen terbabit.

Pembinaan RTS dicadangkan pada Mei 2010 semasa Sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura.

Perkhidmatan rel rentas sempadan itu akan menambah baik perjalanan sebagai pengangkutan alternatif kepada kira-kira 100,000 pengguna di Tambak Johor setiap hari.



Najib bersama Hsien Loong menyaksikan pertukaran dokumen antara Abdul Rahman (dua dari kiri) dengan Boon Wan (kanan) di Istana Presiden, Singapura, semalam.

BH-17/1/2018
15-2